



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 24 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,331 kes** (260,009 kes kumulatif, 89.1%);
- Kes baharu : **3,545 kes** (291,774 kes kumulatif);
- Kes import : **1 kes** (1 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **3,544 kes** [1,544 warganegara (43.6%); 2,000 bukan warganegara (56.4%)];
- Kes aktif : **30,677 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **189 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **88 kes**; dan
- Kes kematian : **12 kes** (1,088 kes kumulatif, 0.37%).

Negeri Sembilan melaporkan kes harian tertinggi pada hari ini iaitu sebanyak **1,392 kes (39.3 peratus)**. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **581 kes (16.4 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **381 kes (10.7 peratus)**.

Peningkatan kes mendadak di Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh pengesanan aktif daripada Kluster Industri Sungai Gadut. Kluster ini telah diumumkan pada 22 Februari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang pembuatan produk kayu yang terletak di Kawasan Perindustrian Sungai Gadut, KM 11, Seremban. Pada hari ini, sebanyak 1,338 kes baharu untuk kluster ini dilaporkan. Jumlah keseluruhan kes dalam kluster ini sehingga 24 Februari 2021 adalah 1,432 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 318 kes merupakan warganegara manakala 1,114 kes merupakan bukan warganegara.

Sebanyak **29 kes (0.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Sungai Udang (14 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (12 kes), Kluster Telok Mas (2 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tujuh (7) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) kes di Selangor, dan masing-masing satu (1) kes di Sabah, Terengganu, dan Pulau Pinang. Sebanyak 11 kes kematian melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 24 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **1,103 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **8 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **594 kluster** (termasuk **lapan (8) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Rasah, Kluster Kampung Bombalai, Kluster Kampung Paya Siput, Kluster Guntong Luar, Kluster Kota Muhibbah, Kluster Tapak Bina Cyber, Kluster Tapak Bina Pelangi, dan Kluster Jalan Mutiara**);

- Jumlah kluster aktif : **509 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **78 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Industri Sungai Gadut (1,338 kes)**, **Kluster Tapak Bina Jalan Segambut (174 kes)**, dan **Kluster Jalan Pelabuhan (164 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lapan (8) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan tujuh (7) kluster berkaitan tempat kerja dan satu (1) kluster melibatkan komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Perindustrian Lukut	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Ulu Choh	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Dato Yunus	Johor	Tempat Kerja
4	Lorong Bakau	Pulau Pinang	Tempat Kerja
5	Vista Hilir	Pulau Pinang	Tempat Kerja
6	Jalan Enam	Selangor	Tempat Kerja
7	Pasar Bidor	Perak	Tempat Kerja
8	Sinsingon	Sabah	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 24 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	581 (1)	96,818
SABAH	105	52,373
JOHOR	318	34,770
WP KUALA LUMPUR	381	34,179
NEGERI SEMBILAN	1,392	15,540
PULAU PINANG	95	10,973
PERAK	188	9,964
SARAWAK	353	8,650
KEDAH	17	7,527
MELAKA	26	5,913
KELANTAN	53	4,664
PAHANG	8	3,729
TERENGGANU	22	3,166
WP LABUAN	5	2,247
WP PUTRAJAYA	1	1,054
PERLIS	0	207
JUMLAH KESELURUHAN	3,545 (1)	291,774

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Kes positif 3,545 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 24 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Negeri Sembilan: 1,392 kes**
 - 1,358 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 581 kes**
 - 216 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Enam**;
 - 223 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 141 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 381 kes**
 - 255 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 46 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 80 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 353 kes**
 - 116 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 47 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 190 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 318 kes**
 - 188 kes daripada kluster-kluster, termasuk 67 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Perindustrian Lukut, Kluster Jalan Ulu Choh, dan Kluster Jalan Dato Yunus**;
 - 72 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 58 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 188 kes**
 - 179 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Pasar Bidor**;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 105 kes**
 - 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sinsingon**;

- 60 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 95 kes**
 - 68 kes daripada kluster-kluster, termasuk 52 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Lorong Bakau dan Kluster Vista Hilir**;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 53 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 26 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 22 kes**
 - Enam (6) daripada kluster-kluster sedia ada;

- Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 17 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: Lapan (8) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lima (5) kes**
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 12 kes kematian pada 24 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1077	246555	Sabah	Perempuan (WN)	72	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan gout
1078	247012	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1079	248287	Terengganu	Perempuan (WN)	64	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok
1080	278811	Selangor	Lelaki (WN)	74	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi
1081	285940	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
1082	287337	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	-
1083	287611	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	84	Hospital Pulau Pinang	Penyakit strok
1084	289610	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	98	Hospital Kuala Lumpur	-

1085	289611	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	90	Hospital Kuala Lumpur	-
1086	289612	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	75	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1087	289613	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
1088	289614	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	52	Hospital Kuala Lumpur	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian lapan (8) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN ENAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan SU 6A, Shah Alam. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 173 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN ULU CHOH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Pontian di Johor. Dua (2) kes dalam kluster ini (iaitu kes ke-281733 dan kes ke-281771) dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Februari 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah kilang yang terletak di Jalan Ulu Choh, Pekan Nenas, Pontian. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 190 individu telah disaring, di mana **34 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER PERINDUSTRIAN LUKUT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 24 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Lukut, Kota Tinggi. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 239 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN DATO YUNUS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 24 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Dato Yunus Sulaiman, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER SINSINGON

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Nabawan di Sabah. Tiga (3) kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-286780, kes ke-286781, dan kes ke-286782) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Februari 2021 **hasil saringan kemasukan ke asrama.**

Kluster ini melibatkan satu **majlis pengebumian** di Kampung Sinsingon, Nabawan yang berlangsung di antara 17 hingga 20 Februari 2021 dan turut dihadiri oleh kes-kes indeks. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 106 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. **KLUSTER PASAR BIDOR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batang Padang di Perak. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-197607) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) dan telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Februari 2021. Kes indeks juga merupakan seorang peniaga pasar di Bidor, Batang Padang. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 112 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. **KLUSTER LORONG BAKAU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 24 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perusahaan Perabot, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 297 individu telah

disaring, di mana **50 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER VISTA HILIR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 15 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Hilir Sungai Kluang 2, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya. Sehingga 24 Februari 2021, sejumlah 154 individu telah disaring, di mana **35 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.